



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA
AHAD , 29 APRIL 2018**

1. BANTUAN KHAS PESAWAH RM200 – SH, PRU 14, 4
2. NAJIB JUMPA PESAWAH SELEPAS PENAMAAN CALON – KOSMO, MUKA UTAMA, 1
3. DURIAN RUNTUH BUAT PESAWAH, PETANI – KOSMO, SEMASA , 14
4. PERLU MANDAT LEBIH BESAR – METRO, SETEMPAT ,6
5. PM: PEJECT OPPOSITION SLANDER – NST , NEWS, 3
6. TERENGGANU PELRLUAS JSJR DEMI RAKYAT – BH, ISU , 25
7. OPPONENTS SHOW CAMARADERIA – NST, NEWS, 10
8. GAMBAR SEKITAR PENAMAAAAN CALON – SH, SEKITAR PENAMAAN CALON, 20
9. DATARAN NELAYAN @ KP – BH, JELAJAH, 51

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2018	SINAR HARIAN	PRU14 #KUASA RAKYAT	4

Bantuan khas pesawah RM200

PEKAN - BN sedia umumkan tambahan bantuan khas pesawah RM200 sebulan sekiranya diberi mandat meneruskan pentadbiran kerajaan pada PRU14.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, sekiranya rakyat mahu pencapaian ekonomi negara terus melonjak naik, BN perlu diberikan mandat lebih besar.

"Jika sekarang dapat RM200 sebulan untuk tiga bulan, jumlahnya akan ditambah. Saya akan umumkan kemudian. Malam 9 Mei, bila kita tahu keputusan (PRU14) pencapaian lebih baik, malam

itu juga akan diumumkan.

"Kita tidak payah dengar fitnah pembangkang. Dulu mereka kata Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sebagai dedak. Bila tengok manifesto mereka, ada juga sentuh pasal BR1M. Ini semua tak boleh pakai, banyak sangat *U-turn*."

"Baik kita tumpu kepada cara nak tingkatkan hasil tanaman padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan ini," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Khas Pesawah Peringkat Negeri Pahang di padang SK Merchong Jaya, di sini, semalam.



NAJIB (tengah) bergambar bersama pesawah yang menerima bantuan khas di Merchong, Pekan semalam.

Najib jumpa pesawah selepas penamaan calon

DATUK Seri Najib Tun Razak menggunakan waktu terluang selepas proses penamaan calon Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) semalam dengan mengadakan pertemuan bersama golongan pesawah di Merchong Jaya, kira-kira 55 kilometer dari Pekan, Pahang.

Perdana Menteri yang diiringi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek diberi tepukan gemuruh hadirin sejurus tiba pada majlis penyerahan bantuan khas pesawah peringkat negeri Pahang itu. Ia merupakan inisiatif kerajaan mengagihkan peruntukan RM150 juta yang diumumkan dalam Bajet 2018.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2018	KOSMO	SEMASA	14

Kerajaan umum bantuan RM3,100 buat golongan memerlukan di Rompin dan Pekan

Durian runtuh buat pesawah, petani

PEKAN – Golongan pesawah padi di Rompin dan daerah ini bakal meraih durian runtuh sehingga RM3,100 setiap seorang yang akan dibayar oleh kerajaan pada Isnin ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pemberian itu adalah sebagai cara kerajaan Barisan Nasional (BN) menghargai golongan petani dan pesawah di dua daerah tersebut.

"Bantuan bulanan RM200 (sara hidup) yang dibayar selama tiga bulan ketika menunggu hasil tuaian padi akan dibayar serentak sebanyak RM600.

"Bantuan khas RM2,500 kepada pesawah yang menjadi mangsa banjir juga akan diberikan serentak sekali gus menjadikan setiap orang akan menerima RM3,100 pada Isnin ini," ujar Najib.

Perdana Menteri berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Khas Pesawah Negeri Pahang di Padang Sekolah Kebangsaan Merchong Jaya di sini semalam.

Hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.



NAJIB (empat dari kiri) dan Ahmad Shabery (tiga dari kiri) bergambar bersama penerima bantuan selepas Majlis Penyerahan Bantuan Khas Pesawah Negeri Pahang di Padang Sekolah Kebangsaan Merchong Jaya, Pekan semalam.

Selain itu, Najib turut mengumumkan pemberian bantuan sebanyak RM30,000 kepada 279 persatuan peladang kebangsaan di seluruh negeri tersebut.

"Andai BN diberi mandat selama lima

tahun lagi selepas ini, ia menunjukkan pesawah dan petani menerima baik cara kita membantu mereka.

"Maka pada malam 9 Mei itu kita akan umum (pemberian insentif) baharu ke-

pada mereka (pesawah seluruh negara)," tambah beliau.

Dalam pada itu, Ahmad Shabery berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa prihatin dengan golongan pesawah di negara ini kerana mereka merupakan tulang belakang dalam membekalkan keperluan makanan untuk rakyat.

Menurut beliau, sektor tersebut juga menjadi penanda aras kepada kekuatan sesebuah negara sebagaimana bidang ketenteraan.

"Kita bertuah kerana memiliki seorang Perdana Menteri yang sentiasa berusaha keras untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang ekonomi, teknologi, infrastruktur serta pertanian.

"Ini kerana jika tiada pesawah maka tiadalah beras yang menjadi makanan utama rakyat dan kerana itu juga kekuatan sesebuah negara tidak hanya diukur melalui ketenteraan tetapi juga hasil makanan yang banyak.

"Rakyat juga akan bangkit menentang jika mereka kelaparan tanpa makanan," kata beliau.



PRU14

#jomundi

Miki Raduan dan Nik Sukry Ramli
crews@nstp.com.my

Pekan

Barisan Nasional (BN) perlukan mandat lebih besar pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) jika rakyat mahu pencapaian Malaysia melonjak lebih tinggi di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, setiap tahun perkembangan ekonomi negara menunjukkan peningkatan secara konsisten walaupun keadaan ekonomi dunia dalam keadaan tidak menentu dan ia adalah hasil pengurusan ekonomi yang baik di zaman kerajaan BN.

"Adalah menjadi falsafah kerajaan yang ada hari ini untuk menjana ekonomi bagi memberi manfaat kepada semua rakyat sama ada di bandar atau luar bandar...mcmang kita menjadikan perkara ini sebagai keutamaan.

"Apabila kita berjaya menguruskan ekonomi dengan baik, sudah pasti ia akan meningkatkan hasil (pendapatan)...jangan pula bila sudah meningkat pendapatan, kita



Majlis melambai tangan kepada orang ramai selepas penamaan calon Parlimen Pekan di Astaka, semalam.

PERLU MANDAT LEBIH BESAR

■ Pencapaian Malaysia melonjak sekiranya BN menang PRU14

tumpukan (pembangunan) di kawasan bandar saja, kena agihkan juga ke kawasan luar bandar seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan ini," katanya.

Bellau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Khas Pesawah Peringkat Negeri Pahang di Sekolah Kebangsaan Merchong Jaya, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Per-

anian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Pesawah dari lima kampung di Pekan, Rompin, Kuantan, Maran dan Jerantut menerima Bantuan Khas Pesawah Padi berjumlah kira-kira RM1.4 juta.

Semalam 779 penerima Elan Sara Hidup Nelayan Darat dan 442 penerima Bantuan Touch Point Input Perikanan turut diraikan pada majlis sama.

“Jika sekarang dapat RM200 sebulan (untuk tiga bulan), jumlahnya akan ditambah...tapi, saya akan umumkan kemudian... malam 9 Mei”
Najib Razak

Najib yang berdepan cabaran empat penjuru pada PRU kali ini berkata, kerajaan akan mengumumkan tambahan bantuan khas pesawah berjumlah RM200 sebulan (untuk tiga bulan) sekiranya kerajaan menerima mandat lebih besar.

"Saya akan umumkan tambahan bantuan...jika sekarang dapat RM200 sebulan (untuk tiga bulan), jumlahnya akan ditambah...tapi, saya akan umumkan kemu-

dian...malam 9 Mei bila kita tahu keputusan (PRU14)...kalau pencapaian dalam PRU14 lebih baik, malam itu juga saya akan umumkan.

"Kita tidak payahlah dengan ngar fitnah pembangkang dulu mereka kata Bantuan Rakyat (Malaysia) (BRIM) se bagai dedak...bila tengok manifesto mereka, ada jugalah sentuh pasal BRIM. Ini semua tak boleh paikal, banyanya sangat u-turn," katanya.

29.4.2018

NEW
SUNDAY
TIMESNEWS /
STORY OF THE
DAY

3

PM: REJECT OPPOSITION SLANDER

They cannot improve your lives, Najib tells people

HIDIR REDUAN
AND NIK SUKRY RAMLY
PEKAN
news@nst.com.my

THE people have been urged to not fall for the opposition's slander, which will intensify as the 14th General Election (GE14) looms, said Prime Minister Datuk Seri Najib Razak.

He said they should take no heed of the opposition as it would not be able to improve their lives. "As May 9 (polling day) nears, do not listen to the slander spread by the opposition as it will not change your lives.

"What use is there in *tsunami fitnah* (tsunami of lies)? (The opposition) does not depend on anything else. Only BN's (Barisan Nasional's) politics are for the people."

Najib, who is BN chairman and Pekan candidate, was speaking at a state-level event to hand out aid to padi farmers in Merchang Jaya here yesterday.

Present was Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Najib said the opposition's tendency to slander was seen in how it demonised the Goods and Services Tax (GST).

He said the slander was far from the truth as monies collected from GST were channelled to padi farmers and fishermen.

"I will ensure that everyone enjoys the economic growth. Wealth will be shared with those in need."

He said contrary to the opposition's claims, it was not padi farmers who paid GST, as the tax



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak being greeted as he arrives at an event to hand out aid to padi farmers in Merchang Jaya, Pekan, yesterday. BERNAMA PIC

was paid only by those who could afford it.

He said many essential items, such as *ikan kembung*, rice, eggs, poultry, beef and milk, were not subject to GST.

"Our country has the highest number of zero-rated items."

He said the BN government's philosophy was one that brought

economic growth.

"If there is no economic growth, then the government would not get much revenue. Then we cannot help farmers, fishermen and others."

He urged the people to give their mandate to BN to ensure the continuity of policies that benefited everyone, especially

those in need.

To cheers from the audience, he promised that the BN government would increase the RM200 special aid (for three months) for padi farmers if BN won the mandate.

He said the government would boost the padi yield per hectare in Pekan from 2.5 tonnes to six tonnes once a RM300 million in-

tegrated irrigation system here was completed.

At the event, padi farmers from villages here, Rompin, Kuantan, Maran and Jerantut received aid totalling RM1.4 million.

A total of 779 people received a cost of living allowance and 442 people received the "Touch Point" fisheries input financial aid.

#TERENGGANUMOLEKDOH



[FOTO NOZANAH ZAKARIA/BH]

Ahmad Razif bersama isteri, Toh Puan Seri Halina Zakaria (Kiri) melayan pengunjung membeli barangan keperluan harian pada JSJR di pekarangan Dewan Serbaguna Tok Jembal, Kuala Nerus.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama Ahmad Razif di tapak JSJR ketika Ekspo Terengganu 2018 di pekarangan Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak.

Terengganu perluas JSJR demi rakyat

● Inisiatif Kerajaan BN tangani kos sara hidup, beri manfaat besar kepada golongan berpendapatan rendah

Oleh Hanneeyzah Sariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

Dalam ramai mengeluh dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, ia sama sekali tidak dipandang septi oleh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Usaha demi usaha dipergiatkan bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan kos barang keperluan harian dan dapat menjalani kehidupan seharmonis dengan sempurna, walaupun bergaji kecil.

Program Jualan Sentuhan Jelmaan Rakyat (JSJR) antara satu inisiatif dipertingkatkan Kerajaan BN, dengan menawarkan harga barangan keperluan yang jauh lebih murah ber-

banding harga pasaran.

Pelaksanaannya yang bermula pada peringkat Pusat dan kemudian mula diperluaskan ke negeri, terbukti memberi impak besar kepada segenap lapisan rakyat, terutama keluarga dengan isi rumah yang ramai.

Ini diadakan membabitkan kerjasama dengan beberapa agensi berkaitan, termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKKO), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Sambutan menggalakkan

Justeru, tidak hairanlah, dalam tempoh singkat ia diadakan di beberapa lokasi di Terengganu khususnya Kuala Terengganu baru-baru ini, sambutan sangat menggalakkan sehingga banyak barangan dijual habis hanya dalam tempoh setengah jam.

Sebagai contoh, JSJR yang diadakan di tapak letak kereta di Batas Baru di sini, Februari lalu, menarik lebih 8,000 pengunjung dengan pelbagai barangan dijual antaranya sayuran, ikan dan barangan kering laris dalam masa setengah jam.

Melihatkan sambutan sangat menggalakkan, selain impaknya yang mengembirakan rakyat, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri

Ahmad Razif Abd Bahman mahu JSJR diadakan di seluruh daerah pada setiap minggu.

Katanya, setakat ini JSJR sudah dilaksanakan sebanyak 40 kali di seluruh daerah Terengganu dan akan diteruskan pada setiap minggu di semua daerah.

"Alhamdulillah, kerajaan negeri gembira melihat inisiatif Kerajaan BN memperkenalkan JSJR ini memberi manfaat sangat besar kepada rakyat keseluruhannya, terutama golongan berpendapatan rendah yang sebelum ini agak terbeban dengan kos sara hidup.

"Usaha ini adalah inisiatif Kerajaan BN untuk kebajikan rakyat dalam usaha menangani kos sara hidup dan kita mahu rakyat terus mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Memperluaskan JSJR ke semua daerah adalah antara 20 inti pati Manifesto Tambahan BN Terengganu untuk Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang dibincangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi di Hulu Terengganu, 14 April lalu.

Selain JSJR, kerajaan negeri juga berhasrat memperluas Kedai Rakyat 1Malaysia di bawah jenama Terengganu Mart (T-Mart) di seluruh Dewan Undangan Negeri, sekiranya BN terus diberi mandat mentadbir negeri ini. Bagi rakyat pula, JSJR sangat mem-



Antara barangan dijual pada JSJR di pekarangan Dewan Serbaguna Tok Jembal, Kuala Nerus.



Paling saya suka ialah sayuran dan ikan kerana selain segar dan berkualiti, harganya murah. Jauh beza jika dibeli di pasar biasa"

Fauziah Ibrahim,
Peniaga buah

bantu dalam mengurangkan beban kewangan mereka dan wang yang dijamin boleh digunakan untuk menampung pelbagai perbelanjaan lain.

Tak lepas peluang

Peniaga buah, Fauziah Ibrahim, 49, berkata beliau memang tidak melepaskan peluang untuk ke JSJR setiap kali ia diadakan di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu, bagi mendapatkan pelbagai barangan pada harga murah.

"Paling saya suka ialah sayuran dan ikan kerana selain segar dan berkualiti, harganya murah. Jauh beza jika dibeli di pasar biasa. Bagi kami yang pendapatan tidak menentu ini, dapat melakukan penjimatan wang dalam perbelanjaan adalah satu kejayaan.

"Terima kasih pada kerajaan BN kerana mewujudkan JSJR dan kami harap ia bukan sahaja dapat diteruskan sampai bila-bila, tetapi juga diadakan lebih kerap mungkin seperti Pasar Tani yang diadakan beberapa kali setiap minggu," katanya.

Anggota polis, Koperai Mohd Nazri Mat Dali, 53, berkata harga barangan ditawarkan di JSJR memang sangat murah dan menyasarkan produk dijual ditambah lebih banyak dan tidak hanya bertumpu kepada barangan makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30.4.2018	NEW STRAITS TIMES	NEWS / PAHANG	10

MATURED POLITICS

Opponents show camaraderie

CHUKAI: The friendliness among Barisan Nasional (BN), Pas and PKR candidates at the nomination centre here yesterday reflects mature politics.

BN candidates Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, who is vying for the Kemaman parliamentary seat, Datuk Seri Ahmad Said (Kijal state seat) and Datuk Mohamed Awang Tera (Chukai state seat) were seen laughing with their opponents seated at the same table inside the nomination centre while waiting for the candidate announcement from the Election Commission (EC).



Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek

Ahmad, a former Terengganu menteri besar, was known for being talkative and his antics caused laughter among the candidates.

While enjoying breakfast at the nomination hall, there was no sign of animosity among the candidates.

Earlier, five BN candidates Shabery, Ahmad, Rosli Othman (Kemasik state seat), Mohamad Awang (Chukai state seat) and Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar (Air Putei state seat) turned up at the nomination centre in their blue baju melayu at 9am. **By Fitri Nizam and Ahmad Rabiul Zulkifli**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2018	SINAR HARIAN	SEKITAR PENAMAAN CALON	20

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahmad diapit calon Pas, Zafarul Azhan Zan (kiri) dan Dr Salihuddin Radin Sumadi dari Bersatu yang mewakili Harapan dalam persaingan tiga penjuar di kerusi Parlimen Pasir Salak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.4.2018	BH	JELAJAH	51

